

21 APR 2002

MTDC-PERNIAGAAN/I

PENIAGA BAHRAIN DAN M'SIA AKAN UNTUNG DARIPADA MTDC

Oleh: Mohd Arshi Daud

MANAMA, 21 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata para peniaga Bahrain dan Malaysia akan mendapat untung daripada perhubungan perniagaan yang dipertingkatkan dengan penubuhan Pusat Perdagangan dan Pentgedaran Malaysia (MTDC).

Pusat itu, terletak di atas kawasan 70,000 meter persegi di Durrat Al Bahrain di Seef di sini, akan menjadi pusat pameran dan pengedaran perdagangan lengkap yang pertama Malaysia di Asia Barat.

"Para pengguna di Bahrain dan rantau ini akan mempunyai peluang bukan sahaja mengetahui lebih banyak mengenai keluaran-keluaran dan perkhidmatan Malaysia, tetapi juga dapat membelinya secara langsung daripada cawangan-cawangan runcitan di pusat ini," kata Dr Mahathir.

"Bagi para peniaga, pembelian boleh dibuat daripada pusat ini untuk pengedaran atau eksport semula ke negara-negara di rantau ini."

"Ini pastinya akan membawa kepada pertukaran perdagangan yang lebih banyak di antara kedua-dua negara," kata perdana menteri pada pelancaran rasmi pembinaan MTDC hari ini.

Meliputi ruang lantai keseluruhan lebih 37,000 meter persegi, pusat itu akan mempunyai dua bangunan utama bagi kemudahan peruncitan dan gudang.

Dr Mahathir, yang sedang dalam lawatan terakhir ke tiga negara yang termasuk Maghribi dan Libya, berkata bahawa emporium/pasaraya besar itu akan mengadakan ruang runcitan bagi pelbagai rangkainya yang luasa keluaran "Buatan Malaysia."

Katanya MTDC mengadakan untuk syarikat-syarikat Malaysia landasan untuk menerokai dan membiasakan diri mereka sendiri dengan pasaran-pasaran berpotensi dan sedang muncul di Asia Barat.

"Pusat ini juga akan mempermudah eksport melalui penghantaran pukal ke Bahrain dan pasaran-pasaran sekitarnya yang akan membantu mengurangkan kos pengangkutan dan pengendalian," katanya.

Kemudahan-kemudahan pergudangan adalah sesuai bagi pemecahan pukal dan pembungkusan semula pesanan-pesanan lebih kecil abgi pengedaran semula kepada pembeli-pembeli dan pengimport di rantau ini," kata Dr Mahathir.

Untuk menjadikannya menarik kepada keluarga-keluarga, pusat itu akan mempunyai kemudahan-kemudahan hiburan, kedai-kedai makan, pawagam, pusat jualan, perkhidmatan dan gimnasium.

MTDC juga mempunyai ruang lantai untuk pengeksport-pengeksport Malaysia mempamerkan produk-produk mereka, sebuah perpustakaan sumber, kemudahan-kemudahan audio-visual, bilik-bilauk persidangan dan seminar dan pejabat-pejabat bagi Perbadanan Kemajuan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (MTPB).

Dr Mahathir berkata pusat itu tidak lama lagi akan menjadi sebuah bangunan mercutanda baru di Bahrain, khususnya Manama kerana ia merangkumi ciri-ciri senibina dan reka bantuk Malaysia.

Projek itu, kata Dr Mahathir, memperlihatkan input dari kedua-dua negara dengan kerajaan Bahrain mengadakan tanah manakala kerajaan Malaysia rekabentuk dan pembinaan dan juga pengurusan dan operasi.

MTDC yang akan beroperasi menjelang awal 2004, akan melengkapkan sektor perkhidmatan mengenai perbankan, insurans dan kemudahan-kemudahan pelabuhan yang diadakan oleh firma-firma Malaysia di Bahrain.

Dr Mahathir juga berkata bahawa Bahrain dipilih sebagai tapak pusat itu adalah kerana ia menjadi semakin penting sebagai pusat eksport semula dan pengeadran di Asia Barat dan negara-negara jiran memandangkan pelabuhan,

lapangan terbang dan kemudahan-kemudahan logistiknya yang cukup maju.

Statusnya sebagai pusat perkhidmatan perbankan dan insurans bagi Asia Barat juga adalah satu faktor penyumbang, tambahnya. -- BERNAMA

MAD MFJ MKO OS